



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN SURAT SETUJU TERIMA (SST) BAGI
KERJA PEMASANGAN LAMPU JALAN DI KAWASAN
KEMALANGAN/BERISIKO KEMALANGAN AKIBAT JALAN
GELAP DAN RAWATAN MEMPERELOK LOKASI KERAP
BERLAKU KEMALANGAN (*BLACKSPOT*) NEGERI KEDAH**

PADA 27 JULAI 2023

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,

1. Saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana pada hari ini kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri **Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Bagi Kerja Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan/Berisiko Kemalangan Akibat Jalan Gelap Dan Rawatan Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (*Blackspot*) Negeri Kedah.**
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) dan pihak urus setia yang terlibat kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Tidak lupa juga kepada tetamu yang hadir dari pelbagai agensi kerajaan, pihak kontraktor yang bakal memperoleh Surat Setuju Terima (SST) pada hari ini.

Hadirin yang dikasih sekalian,

3. Seperti semua sedia maklum, Kementerian amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Kementerian ini ada melaksanakan Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya yang telah diluluskan pada Rolling Plan 2, RMKe-11 dengan siling peruntukan berjumlah RM241.5 juta dan diteruskan pelaksanaannya dalam RMKe-12 dengan empat (4) skop utama iaitu;
 - i. Rawatan di lokasi kerap berlaku kemalangan (*Blackspot*) di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 264 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM76.3 Juta.
 - ii. Pembinaan Jejantas Pejalan Kaki di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 18 buah jejantas telah siap dibina dengan peruntukan RM56.6 Juta dan 6 sedang dalam pembinaan.
 - iii. Pembinaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampau Isyarat (LPKSI) di Jalan

Persekutuan seluruh Malaysia, 114 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM27.4 Juta dan;

- iv. Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan Atau Berisiko Kemalangan Di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia; 148 lokasi telah dilaksanakan dengan peruntukan RM15 Juta.

Para hadirin sekalian,

4. Surat Setuju Terima (SST) yang akan diserahkan pada hari ini melibatkan **8 Kerja Pemasangan Lampu Jalan Di Kawasan Kemalangan/Berisiko Kemalangan Akibat Jalan Gelap dan 4 Lokasi Rawatan Memperelok Lokasi Kerap Berlaku Kemalangan (Blackspot) dengan kos keseluruhan berjumlah RM2.4 Juta**. Ini termasuklah di daerah Kuala Muda yang merupakan antara daerah dengan kematian nahtas jalan raya tertinggi di Malaysia. Kementerian Kerja Raya (KKR) selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam membangunkan infrastruktur awam sentiasa memberikan komitmen yang terbaik dalam membangunkan infrastruktur berkualiti tinggi dan selamat bagi memenuhi keperluan semasa negara terutama sekali kepada rakyat di negeri Kedah.

5. Skop merawat lokasi kerap berlaku kemalangan atau *blackspot* dilaksanakan sebagai satu usaha untuk mengurangkan kemalangan yang disebabkan oleh faktor kejuruteraan jalan. Rawatan blackspot ini hanya berskala kecil/jangka pendek dan antara contoh rawatan tersebut ialah pembaikan perabot jalan seperti papan tanda, penghadang jalan, pembaikan tandaan jalan, bebendul jalan, lorong memotong, pembahagi dan pepaku jalan. Bagi tahun 2023, empat lokasi di Daerah Kuala Muda telah dikenalpasti dengan kos anggaran setiap lokasi bernilai RM350ribu.

6. Manakala bagi skop pemasangan lampu jalan di kawasan berlaku kemalangan atau berisiko kemalangan akibat jalan gelap pula, kawasan kerap kemalangan atau berisiko kemalangan seperti di persimpangan, selekoh dan jambatan serta kawasan yang mempunyai jumlah kemalangan yang tinggi akan dikenal pasti dan pemasangan lampu jalan akan dibuat secara setempat dan berskala kecil bukan bagi tujuan pencahayaan di

sepanjang laluan. Bagi tahun 2023, sebanyak lapan lokasi dikenalpasti di Negeri Kedah iaitu dua lokasi di Daerah Sik, satu di Daerah Kuala Muda, satu di Daerah Yan, dua di Daerah Kubang Pasu dan dua di Daerah Baling yang membawa kos keseluruhan sebanyak RM1juta.

7. Sesungguhnya, para kontraktor yang memperoleh surat setuju terima pada hari ini secara tidak langsung merupakan duta kepada projek pembangunan kerajaan dalam industri pembinaan negara. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan saya agar setiap kerja yang dijalankan adalah berdasarkan kepada spesifikasi yang terdapat dalam kontrak kerja serta dapat mematuhi setiap peraturan dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Penguatkuasa dan agensi tempatan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih, salam Malaysia MADANI.